

Media Title : Berita Harian
Headline : Jenayah tipu tawaran kerja sambilan melonjak
Date : 20 December 2025
Section : Nasional
Page : 18



Jenayah tipu tawaran kerja sambilan melonjak

Kuala Lumpur: Kes penipuan membabitkan tawaran pekerjaan sambilan menunjukkan peningkatan ketara apabila 8,484 laporan polis direkodkan di seluruh negara sepanjang tempoh 1 Januari 2024 hingga 14 Disember lalu.

Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Komersil (JSJK) Bukit Aman, Datuk Rusdi Mohd Isa, berkata jumlah itu meningkat 146 peratus berbanding 3,451 kes yang direkodkan bagi tempoh sama tahun 2023, iaitu pertambahan sebanyak 5,033 kes.

Beliau berkata, peningkatan

kes turut disusuli pertambahan kerugian kewangan apabila mangsa mengalami kerugian keseluruhan RM202.58 juta, berbanding RM118.83 juta pada tempoh sama tahun lalu, peningkatan kira-kira RM83.75 juta atau 70 peratus.

“Peningkatan ini menunjukkan jenayah penipuan tawaran kerja sambilan semakin berleluasa dan memberi kesan kewangan yang besar kepada mangsa.

“Trend ini membimbangkan kerana sindiket menggunakan pelbagai platform digital untuk

memperdaya orang ramai,” katanya dalam kenyataan, semalam.

Rusdi berkata, siasatan mendapati modus operandi sindiket lazimnya menggunakan media sosial serta aplikasi pesanan segera dengan menawarkan pekerjaan sambilan yang menjanjikan pulangan tinggi dalam tempoh singkat.

“Dalam kebanyakan kes,



Rusdi Mohd Isa

mangsa diminta membuat bayaran pendahuluan atau pemindahan wang ke akaun tertentu sebelum menyedari mereka diperdaya.

“Tiada majikan sah akan meminta sebarang bayaran pendahuluan bagi tujuan mendapatkan pekerjaan,” katanya.

Sehubungan itu, beliau menasihatkan orang ramai supaya sentiasa berwas-

pada, tidak mendedahkan maklumat peribadi atau perbankan kepada pihak tidak dikenali serta membuat semakan lanjut sebelum menerima sebarang tawaran pekerjaan.

“Orang ramai yang mengesyaki diri menjadi mangsa penipuan dinasihatkan menghubungi National Scam Response Centre (NSRC) di talian 997 bagi tindakan awal.

“Laporan polis juga perlu dibuat dengan segera bagi membantu siasatan serta membolehkan tindakan susulan diambil,” katanya.